



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2018 SIRI 3**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada DYMM Sultan Johor bagi memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Johor.
  
2. LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 Siri 3 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Julai 2020. Seterusnya, laporan ini setelah mendapat perkenan DYMM Sultan Johor akan dibentangkan pula di Dewan Negeri Johor pada 26 November 2020.

3. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3 ini, sebanyak dua (2) pengauditan prestasi dan satu (1) pengauditan pengurusan syarikat telah dilaksanakan. Pengauditan prestasi melibatkan Pengurusan Projek Johor *Free WiFi* di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan Pengurusan Tempat Letak Kereta di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Manakala pengauditan pengurusan syarikat pula melibatkan Ternakan Ruminan Sdn. Bhd. (TRSB).

### **3.1. Pengauditan Pengurusan Projek Johor *Free WiFi***

Pengurusan Projek Johor *Free WiFi* adalah berobjektif menyediakan perkhidmatan WiFi secara percuma dan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian telah tercapai. Namun terdapat kemerosotan penggunaan pada tahun 2018 dan kekerapan gangguan rangkaian *access point*(AP) yang menjaskan objektif projek. Selain itu, berlaku kelemahan pentadbiran kontrak yang tidak menjamin kepentingan Kerajaan negeri yang menyebabkan proses perolehan dan pembayaran menjadi tidak teratur dan bertentangan dengan peraturan kerajaan.

### **3.2. Pengauditan Pengurusan Tempat Letak Kereta**

Pengurusan Tempat Letak Kereta Majlis Bandaraya Johor Bahru pula boleh dirumuskan tidak mencapai objektif ditetapkan sepenuhnya dalam memberikan kemudahan tempat letak kereta kepada orang awam. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan dalam penyenggaraan petak tempat letak kereta di mana garisan dan nombor petak pudar, saiz petak tidak seragam, petak tidak bernombor serta nombor petak bertindih dan berulang. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan tempat letak kereta kerana tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap tempat letak kereta tanpa lesen tidak diambil sepenuhnya.

### **3.3. Pengauditan Pengurusan Syarikat Ternakan Ruminan Sdn. Bhd. (TRSB)**

Pengauditan terhadap TRSB mendapati amalan tadbir urus adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti telah dilaksanakan berdasarkan objektif penubuhan yang ditetapkan. Prestasi jualan TRSB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 adalah cekap kerana telah mencapai jualan antara 82.4% hingga 121.3% berbanding sasaran yang ditetapkan. Selain itu, kadar kelahiran lembu TRSB adalah memuaskan kerana menunjukkan trend peningkatan. Bagaimanapun, kadar kematian ternakan kambing yang tinggi telah memberi kesan langsung kepada kedudukan kewangan TRSB. Namun kedudukan kewangan TRSB adalah pada tahap stabil.

4. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta pengesahan terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 15 syor terhadap aktiviti jabatan/agensi untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. Satu (1) jilid LKAN Johor Tahun 2018 Siri 3 akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Negeri Johor pada 26 November 2020. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 26 November 2020. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia  
26 November 2020